

RAPID RAIL GIAT MENJALANKAN KERJA-KERJA BAIK PULIH FASILITI STESEN

KUALA LUMPUR, 23 Disember 2022 – Rapid Rail Sdn Bhd selaku operator kepada perkhidmatan LRT, MRT dan Monorel di Lembah Klang ingin memaklumkan perkembangan terkini kerja-kerja baik pulih fasiliti di stesen-stesen rel kendaliannya:

1. Eskalator

Rapid Rail telah menerima alat ganti (fasa 1) pada awal Disember lalu, setelah mengalami kelewatan penghantaran disebabkan oleh gangguan rantaian bekalan global.

Dengan ketersediaan alat-alat ganti tersebut, kerja-kerja penggantian segera telah dijalankan oleh kontraktor pengilang pengeluaran asal atau “*original equipment manufacturer*” (OEM) secara berperingkat dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Februari 2023.

Setakat 15 Disember 2022, proses penggantian 20 unit *handrail* dan 3 unit *stepchain* di 10 stesen MRT telah disiapkan, dan eskalator di stesen-stesen berkenaan telah kembali beroperasi.

Sebagai langkah jangka panjang, Rapid Rail telah melaksanakan program penyelenggaraan berasaskan keadaan atau “*condition based maintenance*” (CBM) di mana proses mengganti komponen yang dinilai akan rosak atau kerap bermasalah akan terus dilaksanakan tanpa menunggu jangka hayat tamat.

Berdasarkan konsep CBM, pihak Rapid Rail telah membuat tempahan awalan yang mencukupi bagi menyokong program CBM.

2. Kebocoran di stesen

Bagi masalah kebocoran di 93 lokasi di stesen, kerja-kerja membaik pulih di 21 lokasi di stesen LRT dan Monorel telah berjaya disiapkan dan bakinya akan diselesai secara berperingkat dan dijangka siap sepenuhnya menjelang Jun 2023.

Bagi kerja-kerja baik pulih di stesen MRT, perbincangan bersama pihak MRT Corporation (MRTC) selaku pemilik aset telah dijalankan.

Proses pembaikan di 22 lokasi kebocoran telah dilakukan dan pemantauan keberkesanan kerja-kerja baik pulih tersebut sedang dilaksanakan.

Terdapat lokasi kebocoran yang memerlukan lebih masa untuk diselesaikan kerana pembaikan tersebut melibatkan modifikasi kepada struktur atap.

3. Sistem pencahayaan di stesen

Kerja-kerja membaik pulih sistem pendawaian dan penggantian mentol yang bermasalah di stesen-stesen telah hampir selesai. Rapid Rail telah menjalankan program pemeriksaan serta penyelenggaraan berkala dan buat masa ini bilangan lampu yang tidak berfungsi adalah di bawah 1%. Baki lampu yang masih tidak berfungsi merupakan kerosakan baru dan penggantian segera akan dilakukan.

4. Lif

Buat masa ini, peratus ketersediaan operasi fasiliti lif di stesen LRT dan MRT berada pada tahap 99.00 peratus. Aktiviti penyelenggaraan sentiasa dilakukan secara berkala bagi memastikan fasiliti yang disediakan untuk pengguna berada dalam keadaan yang baik.

Mengenai isu lif di stesen-stesen monorel pula, rekabentuk asal stesen monorel tidak mempunyai fasiliti lif. Menyedari keperluan pengguna terutamanya warga emas dan orang kelainan upaya, Prasarana telah

mengambil inisiatif untuk menambah 18 unit lif dan 39 unit “*wheelchair platform lift*” ini untuk keselesaan orang awam.

Kerja-kerja menaik taraf fasiliti lif di monorel ini memerlukan penambahbaikan dari segi struktur dan juga melibatkan beberapa isu keselamatan yang perlu dibaiki.

Projek naik taraf akan bermula pada suku pertama tahun 2023 dan memerlukan masa selama 18 bulan untuk disiapkan.

Rapid Rail juga telah menghebahkan status terkini pembaikan fasiliti stesen menerusi paparan info grafik di media sosial sebagai maklumat kepada pengguna Rapid KL.

Adalah menjadi misi Rapid Rail untuk menyediakan kemudahan perkhidmatan awam melalui sistem jaringan rel dan fasiliti yang baik demi keselesaan dan keselamatan para pengguna.

Para pelanggan boleh menyalurkan sebarang cadangan atau maklumat mengenai kerosakan fasiliti stesen menerusi email ke suggest@rapidkl.com.my atau berhubung terus menerusi platform media sosial Rapid KL.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh Rapid Rail Sdn Bhd, sebarang pertanyaan media sila hubungi pegawai komunikasi Rapid Rail Sdn Bhd

1. En Mohd Sofian Hilmi, 019-4601110
2. Pn Noor Natasha Mohd Irwan 013-332 290